

## **Sumbangan Manuskrip Melayu Lama kepada Peradaban Bangsa**

### *Old Malay Manuscript Contribution to Race Civilization*

Awang Sariyan

[kembarabahasa2010@gmail.com](mailto:kembarabahasa2010@gmail.com)

*Penyandang Kursi Za'ba*

*Institut Peradaban Melayu*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

Abdul Rasid Jamian

[rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my](mailto:rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my)

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

Published: 11 December 2020

**To cite this article (APA):** Sariyan, A., & Jamian, A. R. (2020). Sumbangan Manuskrip Melayu Lama kepada Peradaban Bangsa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 7-17. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.fa.2.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.fa.2.2020>

### **ABSTRAK**

Manuskrip Melayu lama menjadi salah satu khazanah yang penting bagi bangsa Melayu. Ia menampilkan pandangan sarwa yang berkaitan dengan sistem kepercayaan atau agama, falsafah, ketatanegaraan, undang-undang, perubatan tradisional, kesenian, persenjataan, dan aspek-aspek lain peradaban bangsa. Kini, terdapat lebih 20,000 buah manuskrip Melayu lama yang bertebaran di pelbagai benua, iaitu Asia, Eropah, Afrika, Amerika, dan Oceania, yang meliputi 28 buah negara sedunia. Sebahagian besarnya tersimpan di luar alam Melayu akibat penjajahan dan juga minat besar sarjana asing terhadap peradaban Melayu. Akses kepada kebanyakan manuskrip Melayu lama menjadi lebih mudah kini dengan terhasilnya edisi digital dan wujudnya portal-portal yang merekodkan manuskrip Melayu lama. Terdapat kekurangan analisis kandungan yang dilakukan terhadap manuskrip tersebut, sehingga manuskrip Melayu lama lebih dihargai sebagai artifak dan tinggalan barang lama. Sampai saatnya dilakukan kerja secara bersinergi dalam kalangan pakar, institusi, dan negara untuk mengangkat kandungan kearifan setempat yang terdapat dalam manuskrip Melayu lama. Ianya akan menjadi sumbangan peradaban Melayu kepada peradaban sejagat dan untuk menjadi salah satu asas perancangan pembangunan semasa dan masa muka.

**Kata kunci:** manuskrip Melayu lama, peradaban, artifak dan sarwa

### **ABSTRACT**

*The old Malay Manuscript has been one of the most important treasures of the Malays. It displas the outlook related to the belief system or religion, philosophy, civics, law, medicine, arts, weaponry, and other aspects of civilization. Now, there are more than 20,000 old Malay manuscripts scattered in various continents, namely Asia, Europe, Africa, America and Oceania, covering 28 countries worldwide. It has been largely kept outside the Malay world as a result of colonization and also a great interest of foreign scholars on Malay civilization. Access to most of the old Malay manuscripts become easier nowadays with digitized edition and the existence of portals that record the old Malay manuscripts. There is a lack of content analysis carried out on the manuscript, such that the old Malay manuscripts were much appreciated as artefacts and the remains of the old stuff. Now it is the perfect time for the experts, institutions, and countries to raise the local content of the*

*wisdom contained in the old Malay manuscripts. It will contribute to the universal civilization and to become one of the basic planning and present and future development.*

**Key words:** *old Malay manuscript, civilization, artefact and globalization*

## **PENDAHULUAN**

Istilah manuskrip merupakan istilah serapan daripada bahasa Inggeris *manuscript* yang berakar daripada kata dalam bahasa Latin *manus scriptus* (*manus* bererti ‘tangan’ dan *scriptus* bererti ‘tulisan’). Sejarah terhasilnya manuskrip berkaitan rapat dengan pertumbuhan dan perkembangan peradaban manusia dalam bidang ilmu dan komunikasi. Daripada sudut linguistik, penghasilan manuskrip menandai tahap tinggi peradaban apabila fikiran, teori, proses, dan hasil kreativiti serta inovasi bangsa ditransformasikan daripada bentuk lisan kepada bentuk yang lebih abadi dan memungkinkan peluasan ilmu, iaitu tulisan. Sumbangan manuskrip sangat besar, terutama dalam konteks sebelum muncul dan berkembangnya percetakan sebagai wasilah pengembangan ilmu dan maklumat.

Dalam konteks peradaban Melayu, lama sebelum percetakan berperanan (pada sekitar abad 19), pelbagai ranah ilmu dan pemikiran bangsa disampaikan melalui tradisi lisan dan manuskrip. Meskipun sukar ditentukan tarikh yang tepat, tarikh permulaan manuskrip Melayu dihasilkan dapat dikesan selewat-lewatnya pada abad ke-16 Masihi, bertepatan dengan berkembangnya tradisi ilmu dalam peradaban Melayu di seluruh Kepulauan Melayu. Permulaan zahirnya manuskrip sebagai wasilah peradaban bangsa Melayu bertepatan pula dengan kedatangan dan berkembangnya Islam di Kepulauan Melayu selewat-lewatnya pada abad ke-13. Islam telah mentransformasikan seluruh kehidupan bangsa Melayu dan salah satunya ialah pembentukan tradisi persuratan yang bertunjangkan bahasa Melayu baku. Asas paling ampuh ialah mantapnya satu sistem bahasa dalam hal tatabahasa, aksara, kosa kata, dan retorik. Bahasa Melayu sesudah Islam mewarnai peradaban bangsanya. Penjelmaan sebagai satu bahasa baharu berbanding dengan bahasa Melayu kuno sebelumnya yang diwarnai oleh bahasa Sanskrit dalam hal aksara, kosa kata dan tatabahasanya.

Daripada sudut aksara, penyerapan huruf-huruf Arab yang diubah suai dengan sifat dan keperluan di alam Melayu mezhahirkan tulisan Jawi sebagai wasilah yang menyuburkan perkembangan ilmu dalam pelbagai cabang, seperti agama, ketatanegaraan, undang-undang, perubatan, persenjataan, historiografi dan lain-lain. Di pelbagai pusat peradaban Melayu, seperti Melaka, Aceh, Patani, Brunei, Kalimantan, dan Riau-Lingga terhasil pelbagai karya yang ditulis dalam tulisan yang satu, iaitu Jawi, dengan langgam bahasa yang seragam sehingga mencapai tahap saling faham yang cukup tinggi bagi seluruh umat Melayu besar (Melayu mahawangsa) yang terdiri daripada tidak kurang 500 kumpulan etnik.

## **MANUSKRIP MELAYU LAMA MENDUNIA**

Manuskrip Melayu secara nyata dapat menjadi penanda dan petunjuk perkembangan peradaban bangsa Melayu. Hal itu demikian kerana nukilan ilmu, pemikiran, huraian dan tafsiran yang berkaitan dengan segala aspek kehidupan tercantum dalam manuskrip yang jumlahnya mencecah puluhan ribu. Di Universiti Leiden, Belanda, tersimpan lebih 20,000 buah manuskrip Melayu. Selebihnya manuskrip Melayu lama tersimpan di negara Rusia, Jerman, Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Algeria, Sri Lanka, dan Afrika Selatan. Di alam Melayu, sebahagian manuskrip Melayu lama terdapat di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, dan Thailand (khususnya di bahagian selatan).

Di Malaysia, pusat penyimpanan manuskrip Melayu lama utama ialah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), dengan jumlah menghampiri 5,000 naskhah, dan beberapa pusat lain seperti Dewan Bahasa dan Bahasa, Universiti Malaya, dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Universiti Zainal

Abidin telah mula melaksanakan menghimpunkan salinan digital manuskrip Melayu lama yang terdapat di luar Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan Islam. Di luar Malaysia, terdapat pusat penyimpanan manuskrip Melayu lama, iaitu di Singapura, di Brunei Darussalam, di Indonesia, di perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, British Library, Bodleian Library di Universiti Oxford, Universiti Cambridge, British Museums dan Universiti Manchester (semua di United Kingdom), perpustakaan Australian National University, New York Public Library dan beberapa perpustakaan di Eropah.

Perihal banyaknya manuskrip Melayu lama yang tersimpan di negara asing sebahagian besarnya disebabkan berlaku penjajahan, terutama oleh Belanda dan Inggeris. Semasa penjajahannya di Indonesia, kuasa penjajah Belanda telah membawa sekian banyak manuskrip Melayu, baik yang merupakan milik etnik Melayu mahupun yang merupakan milik etnik lain seperti Bugis, Bali, Sunda, Jawa, Batak dan yang lain. Demikian juga apabila kapal Flor de la Ma belayar dari Melaka ke Portugal, turut dibawanya sekian banyak manuskrip Melayu. Meskipun diberitakan bahawa kapal itu tenggelam di lautan, namun terdapat keraguan akan kebenaran berita itu dan dipercayai banyak manuskrip yang dibawa ke dunia Eropah itu selamat sampai di sana. Semasa penjajahan Inggeris di Tanah Melayu pula, sejumlah manuskrip Melayu lama turut dibawa pulang ke negara induk penjajah dan sebahagian yang tersimpan di British Library dan institusi lain di Great Britain merupakan koleksi tersebut, di samping yang diperolehi secara persendirian oleh peminat manuskrip lama.



Peta pusat manuskrip Melayu lama di dunia (*Berita Harian*, 21 Mac 2018)

Di luar negara, setakat ini terdapat enam katalog manuskrip Melayu lama, iaitu:

1. Katalog manuskrip Melayu di Belanda (1985)
2. Katalog manuskrip Melayu di Perancis (1991)
3. Katalog manuskrip Melayu di Jerman (1992)
4. Katalog manuskrip Melayu di Library Congress, Amerika Syarika (1993)
5. Katalog manuskrip Melayu di Singapura (1993)
6. Katalog manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998)

(Mohd. Anuar Mamat, 2017)

Di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menubuhkan Pusat Manuskrip Melayu pada tahun 1985 dan pada tahun 2004 diangkat pusat itu menjadi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Sejumlah 10 *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* telah disusun dan diterbitkan oleh PNM. Katalog terawal susunan PNM ialah *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas* yang mula terbit pada tahun 1987 hingga tahun 1990. Sejak tahun 2000 dimulakan penyusunan dan penerbitan *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Daripada katalog pertama hingga katalog kesepuluh, telah terhimpun sejumlah 4,884 naskhah asal manuskrip Melayu lama, angka yang memang masih jauh daripada jumlah puluhan ribu manuskrip yang terdapat di seluruh dunia. Dewan Bahasa dan Pustaka turut mempunyai pusat manuskrip Melayu di Pusat Dokumentasi Melayu yang setakat ini menghimpunkan lebih 400 manuskrip Melayu lama. Manakala di Indonesia, sekurang-kurangnya terdapat empat katalog, iaitu Koleksi Naskah Melayu Museum Pusat Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Koleksi Naskah di 26 buah museum provinsi, Naskah Sunda: Inventarisasi dan Pencatatan Universitas Pajajaran dan Katalog Naskah Melayu Bima I & II.

## **MANUSKRIP MELAYU LAMA DALAM PERKEMBANGAN PERADABAN MELAYU**

Manuskrip Melayu lama ditakrifkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 2006 sebagai “Karya dalam tulisan Jawi yang bertulis tangan di atas bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, dan kayu yang dihasilkan seawal-awalnya dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya pada abad ke-20.” (Abu Hasan Sham, 2006) dan (Wan Ali Wan Mamat, 2014). Namun pada tahun 2014 PNM mengubah suai takrif itu atas pertikaian yang berkaitan dengan wujudnya manuskrip yang agak baharu sesudah abad ke-20 dengan takrif “Segala bentuk tulisan tangan yang menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun.” (Mohd. Anuar Mamat, 2017). Takrif itu lebih lentur kerana ada sejumlah manuskrip yang ditulis dengan tulisan Jawi tetapi dalam bahasa selain bahasa Melayu, misalnya bahasa Jawa. Catatan lain yang perlu diambil kira ialah ada manuskrip Melayu lama yang ditulis dalam tulisan lain daripada Jawi, seperti tulisan Serang, iaitu tulisan orang Bugis, tulisan Batak Karo dan yang lain. Syed Muhammad Naquib Al-Attas menambahkan fakta bahawa manuskrip Melayu bermula sejak sebelum abad ke-15 dan mencapai kemuncaknya pada abad ke-17 Masihi (Al-Attas, 1989 dan Mahyuddin Yahya, 2004). Berkurangnya penulisan manuskrip Melayu lama bersebab daripada pengenalan mesin cetak pada abad ke-19 di alam Melayu.

Permulaan tumbuhnya dan berkembangnya penulisan manuskrip Melayu lama berkaitan erat dengan proses pengislaman di Kepulauan Melayu. Islam secara syumul mentransformasikan kehidupan umat Melayu di Kepulauan Melayu dalam semua bidang, baik sistem kepercayaan, ketatanegaraan, undang-undang, ekonomi, ilmu dan pendidikan, bahasa serta akhlak. Salah satu kesan besar pengislaman di alam Melayu ialah tumbuhnya satu “bahasa baharu” bagi bahasa Melayu yang sebelum Islam sampai ditandai oleh satu ragam bahasa Melayu kuno, iaitu bahasa yang banyak dipengaruhi oleh peradaban India dalam hal kosa kata, tulisan, tatabahasa, dan wacana keseluruhannya. Bahasa Melayu kuno yang terpahat di prasasti atau batu bersurat amat berbeza daripada bahasa Melayu sesudah Islam. Contoh yang berikut merupakan langgam bahasa Melayu kuno yang terdapat pada batu bersurat Kota Kapur pada abad ketujuh Masihi:

Swastu Shri  
Shakawarsatita 605 ekadashi  
Shuklapaksa wulan Waishakha dapunta  
Siyang naik disambu mengalap siddhayatra  
Di Saptami Shuklapaksa Wulan  
Jyestha dapunta hiyang marlapas dari Minanga Tamvan  
Mamawa jang bala dua laksa  
Dangan...dua ratus  
Tsyara disambau dangan jalan

Saribu tlu ratus sapuluh  
Dua banyaknya. Datang  
Di Matajap  
Sukhatshitta.  
Di pantshami shuklapaksa Wulan  
...laghu mudik datang  
marwuat maua...Syriwijaya  
jayasiddharyatra subhiksa.

Sesudah Islam menjadi agama utama umat Melayu, muncul bahasa Melayu yang dikenali sebagai bahasa Melayu klasik, iaitu bahasa yang digunakan dalam manuskrip Melayu lama dalam pelbagai bidang kehidupan. Kosa kata yang diserapkan daripada bahasa Arab mewarnai bahasa Melayu, di samping mengekalkan sejumlah kosa kata daripada bahasa Sanskrit yang diterima sebelumnya. Sistem tulisannya tidak lagi menggunakan tulisan Palava tetapi menggunakan tulisan Jawi yang dipadankan dengan aksara bahasa Arab dan ditambah beberapa huruf yang diperlukan untuk bahasa Melayu tetapi tidak terdapat dalam aksara Arab, seperti *ca*, *ga*, *pa*, *nga* dan *nya*.

Bahasa Melayu klasik menghasilkan transformasi besar bagi bahasa Melayu. Pertama, wujud bahasa Melayu baku, iaitu bahasa yang seragam atau selaras yang digunakan di seluruh wilayah alam Melayu. Kedua, wujud sistem tulisan yang menjadi wasilah penghasilan dan pengembangan ilmu dan maklumat dalam pelbagai bidang sehingga subur tradisi ilmu. Ketiga, wujud tradisi persuratan, iaitu tradisi yang melonjakkan peradaban Melayu menjadi peradaban besar daripada peradaban yang dahulunya banyak bergantung pada tradisi lisan. Erti bahasa tulisan atau bahasa persuratan dalam perkembangan peradaban manusia amat besar kerana bahasa tulisan memberikan sifat abadi atau berkekalan dalam mendokumentasikan ilmu dan maklumat. Bahkan, menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), bahasa Melayu yang berasaskan tulisan Jawi untuk kali pertama membentuk gagasan semangat kebangsaan Melayu besar yang kemudian menjadi benih kebangkitan semangat kebangsaan dalam proses menuntut kemerdekaan daripada penjajah.

Sumbangan manuskrip Melayu lama kepada peradaban Melayu saya bincangkan khusus dalam Bab 8 buku *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu* (2016). Karya persuratan Melayu klasik yang tertulis banyak sekali menayangkan falsafah dan logika yang bersumberkan dan berteraskan Islam. Dalam bidang undang-undang, misalnya, *Hukum Kanun Melaka* jelas berdasarkan undang-undang Islam. Demikian juga dalam bidang ketatanegaraan, iaitu Jelani Harun (2003), menggunakan istilah adab ketatanegaraan. Jelas bahawa asas-asas tanggungjawab pemerintah yang dinukilkan dalam karya seperti *Nasihah al-Muluk*, *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* didasarkan pada lunas Islam. Bahkan karya agung Melayu *Sulalat al-Salatin* (*Sejarah Melayu*) yang dikatakan penuh dengan mitos dan legenda itu pun banyak mengandung unsur-unsur Islam, termasuklah dalam penampilan pelbagai metafora yang berlunaskan prinsip Islam. Cukup beralasan pendapat Tatiana Denisova (2011) bahawa kebanyakan manuskrip Melayu lama dapat berfungsi sebagai bahan sejarah meskipun di kandungannya dicampurkan dengan mitos, legenda, dan khayalan. Dalam peribahasa dan pelbagai bentuk puisi Melayu pun tertampil dengan jelas sekian banyak asas falsafah dan logika Melayu yang berteraskan dan bersumberkan Islam. Beberapa contoh akan diberikan dalam tulisan ini.

Khazanah persuratan Melayu kaya dengan karya ilmu dalam pelbagai bidang. Dalam zaman klasik, ilmu yang paling menonjol ialah ilmu agama Islam. Hal ini dapat difahami kerana apabila permulaan Islam diperkenalkan kepada umat Melayu, diperlukan pengembangan ajaran Islam dalam segala sudut yang berkaitan dengan kehidupan dunia dan akhirat bangsa Melayu, selaras dengan kesepaduan yang ditekankan oleh Islam, iaitu hubungan dengan Tuhan (*hablum minallah*) dan hubungan dengan sesama manusia dan bahkan makhluk lain (*hablum minannas*). Oleh itu, terhasillah beberapa banyak karya persuratan dalam bidang ilmu keagamaan.

Secara kasar, ilmu keagamaan yang dikembangkan dalam penulisan para ulama' terbahagi kepada:

1. Ilmu kalam atau tauhid atau akidah.
2. Ilmu feqah atau ibadat seperti solat, puasa, zakat, haji.
3. Ilmu kekeluargaan (munakahat).
4. Ilmu hubungan ekonomi dan sosial (muamalat).
5. Ilmu undang-undang dan pengadilan (jinayat).
6. Ilmu tasawuf atau akhlak.

Ilmu lain yang turut digarap ialah sirah atau sejarah, qiraat atau pembacaan al-Quran dan hadith.

Sebagai contoh penerapan falsafah dan logika Melayu yang berteraskan Islam, dalam tulisan ini saya bincangkan sebuah karya ilmu agama Islam yang mewakili karya persuratan ilmu dalam tamadun Melayu. Karya itu ialah *Al-'Aqid al-Nasafi*, iaitu terjemahan kitab yang menurut Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Atta ditulis oleh seorang ulama' di Aceh Darussalam ketika pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah IV (1589-1604M.). Menurut beliau yang mengkaji kitab tersebut menegaskan bahawa karya itu merupakan manuskrip tertua yang terhasil dalam tamadun Melayu. Kitab itu bertarikh 1590 dan lebih tua daripada manuskrip lain yang tidak bersifat karya keagamaan, seperti *Hikayat Seri Rama* (1633). Beliau menyusun teks tersebut kepada 23 perenggan.

Karya-karya lain yang mewakili bidang Islam sebagai teras kehidupan umat Melayu dihasilkan oleh ulama alam Melayu seperti Hamzah Fansuri, Syamsudin al-Sumaterai, Abdul Rauf al-Sinkili, Abdul Samad al-Falimbani, Syekh Daud Fatani, Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari dan yang lain, dan juga oleh ulama dari luar alam Melayu yang menulis dalam bahasa Melayu, seperti Nuruddin al-Raniri yang berasal dari Gujerat. Berdasarkan pengiraan secara rawak daripada 4,884 naskhah Melayu klasik yang terkandung dalam 10 buah *Katalog Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*, didapati bahawa lebih 90 peratus merupakan manuskrip yang memerikan ehwal Islam dalam pelbagai bidang, iaitu akidah, fekah, tasawuf, tafsir, sirah, tajwid, dan qiraah. Jika diperhitungkan bahawa kategori lain seperti historiografi, undang-undang, ketatanegaraan, kisah dan yang lain, jumlah manuskrip yang kandungannya berkaitan dengan Islam menjadi lebih besar. Kitab undang-undang seperti *Hukum Kanun Melaka* dan kitab ketatanegaraan seperti *Tajus Salatin*, misalnya jelas berteraskan Islam. Maka kategori manuskrip Melayu lama memerlukan pengelasan semula untuk memenuhi hakikat bahawa Islam menjadi asas sejumlah besar naskhah.

Amat menarik pula bahawa ehwal Islam disampaikan dalam dua bentuk, iaitu prosa dan puisi. Karya Hamzah Fansuri tentang akidah dan tasawuf, misalnya bukan sahaja disampaikan dalam bentuk prosa, bahkan juga dalam bentuk puisi. Terang bahawa ulama dan pujangga Melayu memiliki daya kreativiti yang tinggi dalam penyampaian dakwah Islam. Satu aspek lain yang penting dalam konteks peradaban ialah bahawa tradisi penerjemahan dan adaptasi serta syarah telah berlangsung di alam Melayu. Kita asas akidah *Aqai'd al-Nasafi* dan banyak yang lain merupakan hasil terjemahan daripada bahasa Arab. Sejumlah karya ulama seperti Syekh Abdul Samad al-Falimbani merupakan adaptasi dan syarah daripada karya mujtahid terkenal Imam al-Ghazali. Demikianlah, manuskrip Melayu lama menjadi salah tunjang utama perkembangan peradaban Melayu yang oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dirumuskan sebagai peradaban yang telah mencapai tahap antarabangsa atau memenuhi sifat internasionalisme, sebagai kesan pengislaman alam Melayu.

### **Pemikiran tentang Bangsa Melayu, Bahasa Melayu dan Politik**

Teori ini menentang situasi yang lebih jelas tentang perlunya seseorang itu mengupayakan tahap kesempurnaan berbahasa sama ada secara lisan, tulisan atau bukan lisan. Keutamaan adalah kepada penggunaan alat-alat artikulasi (alat-alat pertuturan) yang dikurniai oleh Pencipta dengan cara yang betul (Mohd Rashid Md. Idri, 2019). Sangat penting juga diketengahkan hakikat bahawa manuskrip Melayu lama turut menggarap isu yang berkaitan dengan bangsa Melayu, Bahasa Melayu dan politik

Melayu. Demikianlah syumulnya sudut pandang dan daya fikir ulama dan pujangga Melayu dahulu kala. Salah sebuah kitab yang memerikan ehwal tersebut ialah *Hadiqatul Azhar* karya ulama dan pujangga Melayu di Fatani, Syekh Ahmad al-Fatani pada abad ke-19 dan abad ke-20. Syekh Ahmad al-Fatani sebagai guru kepada hampir semua ulama dan tokoh Islam di Asia Tenggara pada abad-abad tersebut. Malah karya beliau meliputi garapan yang amat holistik bagi makna peradaban kerana 12 bidang yang digarapnya itu meliputi semua aspek peradaban, iaitu, Pemikiran tentang Melayu; Pemikiran tentang Fatani Darussalam; Pemikiran tentang bahasa Melayu; Pembahasan pemikiran tentang bahasa Melayu dan persuratan Melayu; Pemikiran dalam bidang penerbitan dan percetakan; Pemikiran tentang politik; Pemikiran tentang sains dan teknologi; Pemikiran tentang falsafah; Pemikiran tentang waktu; Pemikiran tentang matematik dan falak; Pemikiran tentang perubatan dan kedokteran; dan Pemikiran tentang sejarah.

### ***Pemikiran tentang Bangsa Melayu***

Pemikiran Syekh Ahmad al-Fatani tentang bangsa Melayu yang ditulisnya dalam bahasa Arab diterjemahkan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1992) sebagai yang berikut:

Kesatuan semua bangsa Melayu, al-Malayuwich itu nisbah kepada Melayu dengan baris bawah (kasrah) huruf *mim*, atau baris di atas (fathah) dan baris hadapan (dhammah) huruf *ya*. Mereka adalah kelompok atawa segolongan besar manusia. Negeri-negeri mereka adalah se-subuh-subur negeri dunia, terletak antara negeri India dan China, adalah terdiri kebanyakan pulau yang terpenjar-penjar.... Orang Hijaz/Arab dan selain mereka menamakan Melayu dan bangsa-bangsa di wilayah itu dengan sebutan Jawa, iaitu salah satu kelompok manusia di satu pulau besar di sana. Mereka bukan Melayu. Bahasa Melayu adalah yang paling ringan (mudah) bahasa penduduk wilayah-wilayah itu. Kerana itulah kebanyakan orang Hijaz menggunakan bahasa Melayu dalam pergaulan dengan bangsa-bangsa tersebut, yang berlainan bahasa mereka dengan bahasa Melayu. Bangsa Melayu itu bersifat ikhlas, lemah lembut, lunak, berperiadi baik...

(Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992: 53-54)

Berkenaan dengan harapannya yang tinggi akan martabat bangsa Melayu, dinyatakannya:

Dan adalah hamba yang haqir bercita-cita dalam hati sudah beberapa lama bahawasanya Allah Taala lagi akan memperdengarkan dan memperlihatkan, dalam masa hidup hamba ini, bahawa adalah segala raja yang besar, istimewa raja-raja di tanah Fatani, segala raja Kelantan, Terengganu dan Kedah yang amat mulia, dan besar sekaliannya. Raja Johor yang masyhur dengan besar hemahnya. Raja Deli yang masyhur dengan murahnya dan adilnya,...pada bahawa dijadikan segala negeri mereka itu bendahara ilmu, perladangan kepandaian dan membukakan segala mata anak jenis mereka itu kepada memandang cemerlang kebijaksanaan dan handalan, supaya ada kelihatan bangsa Melayu antara segala alam, tertinggi nama mereka itu antara bani Adam, bertambah-tambah kelebihan ulama mereka itu atas segala ulama dan bertambah nyata agama mereka itu atas segala agama.

(Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992: 55-56)

### **Pemikiran tentang Bahasa dan Bahasa Melayu**

Tentang bahasa, Syekh Ahmad al-Fatani menyatakan harapannya:

Dan tercita-cita dalam hati hamba adalah setengah-setengah orang yang petah-petah ahli Melayu ia menta`lif (mengarang) pada menthabitkan loghat Melayu supaya terpelihara daripada tahrif (perubahan) dan tabdil (bertukar-tukar) dengan sebab berlamaan masa dan dengan sebab bercampur dengan beberapa bahasa yang lain. Dan bahawa ia menerjemah kepada bahasa Melayu akan setengah-setengah daripada kitab loghat Arab supaya mudah bagi tiap-tiap talib (pelajar) oleh kehendaknya.

(Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992: 59)

Beliau tidak pula bersikap tertutup dalam penguasaan bahasa lain dan menganjurkan penguasaan bahasa lain untuk memenuhi keperluan kehidupan. Menurutnya:

Dan adalah ilmu bahasa sangat besar manfaatnya. Bahawasanya seseorang apabila ia mengetahui beberapa loghat yang lain daripada loghat dirinya nescaya mudahlah baginya muamalah, musahabah dengan sekalian bangsa itu, dan tiada memudah-mudahkan mereka itu dengan dia...dan bahawasanya jikalau tiada dengan mengetahui loghat nescaya tiada berhambaran agama Islam pada lain daripada bangsa Arab.

(Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992: 59)

Selain itu, Syekh Ahmad al-Fattani telah mengemukakan gagasan perlunya penyatuan bahasa Melayu serantau diupayakan kerana bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan dengan meluas di Tanah Jawi, iaitu alam Melayu. Beliau turut menegaskan perlunya bahasa Melayu dihuraikan sistemnya dengan baik untuk memajukan bahasa itu. Dalam karyanya *Hadiqatul Azhar* beliau berkata, "Dan adalah ilmu loghat ini telah mengamat-amati dengan dia oleh bangsa yang besar-besar lain daripada bangsa Melayu kita." (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992)

Dalam aspek amalan berbahasa, Syekh Ahmad al-Fattani memperlihatkan ketajaman bahasa Melayunya dalam menghuraikan pelbagai istilah keagamaan, khususnya yang berkaitan dengan bidang akidah dan juga penggunaan kosa kata sehari-hari yang dianalisisnya berdasarkan pergaulannya dengan masyarakat. Selain itu, beliau menulis ilmu karang-mengarang, khususnya yang berkaitan dengan surat-menyurat, dengan penegasan pada aspek kesantunan bahasa (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992a).

### **Pemikiran tentang Politik**

Dalam *Hidaqatul Azhar*, Syekh Ahmad mengemukakan pemikiran beliau yang jitu tentang politik dengan berteraskan lunas Islam:

Muhimmah pada bicara ilmu siasah, iaitu ilmu membaiki rakyat yang menunjukkan mereka itu ke jalan yang melepaskan mereka itu daripada tiap-tiap kekeruhan pada dunia dan akhirat. Dan iaitu ilmu siasah itu daripada anbiya atas yang khawas dan awam, pada zahir dan batin mereka itu. Dan daripada raja-raja dan salatin (sultan) atas mereka itu pada zahir mereka itu jua. Dan daripada ulama atas khawas mereka itu pada batin mereka itu, sedang awam pada zahir mereka itu jua. Maka hukum ilmu itu Wujud Kifayah (wajib kifayah). Dan ghayahnya (kesudahannya) menceraikan perintahan atas jalan sebenar; memerintah mereka itu atas jalan adil dan menghelakan mereka itu kepada segala yang memberikan manfaat mereka itu



pada dunia mereka itu dan pada akhirat mereka itu. Dan memelihara kerajaan daripada segala barang yang menjatuhkannya ke dalam keceraan.

(Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1992:103)

Syekh Ahmad al-Fatani mempunyai pendedahan yang luas kepada ilmu sedunia kerana beliau memetik 40 sifat pemimpin yang baik yang disebut oleh Aristotle dalam suratnya kepada Raja Iskandar di Yunani. Syekh Ahmad sendiri mengemukakan sifat-sifat pemimpin yang sewajarnya, iaitu:

1. sempurna anggota
2. baik budi pekerti
3. baik kefahaman
4. segera nampak bagi setiap yang diperkatakan
5. bijaksana
6. elok ibarat
7. petah pada sekalian ilmu
8. benar pada perkataan dan menjauhkan kebohongan
9. elok perlakuan muamalat
10. bersifat lunak
11. memberikan kelapangan dalam perjumpaan
12. tidak tamak
13. menjauhi bermain-main dalam segala urusan
14. mempunyai ketinggian hemah
15. bersungguh-sungguh pada membangun kerajaan
16. mencintai keadilan
17. benci akan kezaliman dan penganiayaan
18. tabah dan berani
19. mengetahui sekalian muslihat
20. menjauhi banyak perkataan
21. tidak berpaling daripada manusia
22. tidak meringan-ringankan atau memandang enteng kepada manusia
23. menjadikan rumahnya terbuka
24. menadahkan telinganya bagi sekalian berita daripada manusia
25. membaiki kesilapan manusia
26. menjinakkan hati mereka kalua mereka mula menjauhinya
27. sabar pada kekerasan mereka
28. mengasihi nasib golongan yang teraniaya atau dizalimi
29. memberikan nasihat dengan seadil-adilnya.

(Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1999)

## **KESIMPULAN**

Sikap sekadar menghargai dan mengagumi besarnya jumlah dan kehebatan manuskrip Melayu lama tidak akan membawa manfaat besar kepada peningkatan peradaban Melayu. Sehubungan dengan itu, sejumlah pelan tindakan yang praktis perlu dilaksanakan. Dalam usaha yang berterusan, kita perlu melakukan pemerolehan manuskrip Melayu lama dengan lengkap di pusat-pusat pendidikan dan penyelidikan di alam Melayu, terutama dalam bentuk digital daripada pusat manuskrip seperti di Universiti Leiden, British Library, Royal Asiatic Society dan yang lain.

Pihak yang bertanggungjawab perlu melantik filologis dan ahli ilmiah dalam bidang-bidang yang bersangkutan dengan peradaban Melayu untuk melakukan penelitian intensif tentang kandungan

manuskrip Melayu lama dan mengeditnya bagi tujuan penerbitan. Hal yang demikian disarankan kursus filologi sebagai kursus penting di institusi pendidikan tinggi yang mempunyai jurusan pengajian bahasa, persuratan, kebudayaan dan tamadun, kerana filologi merupakan ilmu alat atau ilmu bantu yang asasi bagi kerja menyelidik manuskrip Melayu lama. Pihak kerajaan/pemerintah negara-negara di alam Melayu menyediakan dana yang cukup untuk pelatihan, pelantikan peneliti, editor, dan penerbitan manuskrip Melayu lama dalam bentuk buku yang dapat dimasyarakatkan dan juga dalam bentuk elektronik.

Selain itu, hal untuk membanyakkan portal yang berkaitan dengan maklumat manuskrip Melayu lama, khususnya oleh institusi pendidikan tinggi dan persatuan yang berkaitan dengan bahasa, persuratan, dan peradaban. Badan-badan yang sedia ada seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (Malaysia dan Brunei Darussalam), Pusat Pengembangan Bahasa dan Pustaka Indonesia, Yayasan Karyawan Malaysia dan universiti perlu meningkatkan program memajukan penyelidikan dan penerbitan manuskrip Melayu lama menurut ranah atau bidang (teknologi, perubatan, falsafah, pemikiran, seni bina, undang-undang, ketatanegaraan, sains, pengurusan, sejarah, perdagangan, astronomi dan lain-lain.) Di samping itu, pelestarian tulisan Jawi, terutama penguasaan Jawi klasik perlu dijadikan mata pelajaran penting dalam sistem pendidikan, khususnya yang berkaitan dengan bidang bahasa dan persuratan dari peringkat sekolah lagi.

Kesimpulannya, manuskrip Melayu lama mempunyai pertalian yang erat dengan pertumbuhan dan perkembangan peradaban umat Melayu, yang sifatnya merentas ratusan etnik di alam Melayu. Manuskrip Melayu lama menjadi tanda bermulanya tradisi ilmu secara lebih meluas dan berkesan. Perluasannya garapan ranah atau bidang (falsafah, pemikiran, sejarah, seni bina, teknologi, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan, historiografi, persenjataan, susastera dan lain-lain) dalam manuskrip Melayu lama menjadi tanda peradaban yang tinggi. Harapan agar manuskrip Melayu lama tidak sekadar dihargai sebagai artifak atau kebanggaan emosi, tetapi dimanfaatkan untuk melonjakkan peradaban bangsa dan juga untuk menyumbang kepada peradaban sejagat, dalam keadaan globalisasi satu arah (Barat ke Timur) yang berlaku kini.

## **RUJUKAN**

- Abu Hassan Sham. (2003). *Melestarikan Manuskrip Melayu: Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abu Hassan Sham. (2006). "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu" *Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, Perpustakaan Negara Malaysia. 10-11 Julai 2006.
- Al-Attas, S.M.N. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, S.M.N. (1989). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16<sup>th</sup>. Century Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: University Malaya Press
- Atikah Abd. Azam dan Othman Yatim. (2012). "Manuskrip Melayu Lama: Asas Keupayaan dan Kearifan Melayu Tradisi" *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*, 30 (1), 29-39.
- Awang Sariyan. (2016). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denisova, T. A. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jelani Harun. (2003) *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mahyuddin Yahya. (2000). *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin Yahya. (2004). "Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Tata Kaedah dan Kepentingannya dalam Masyarakat Melayu Nusantara" *Prosiding Seminar Manuskrip Islam*, 1-2 Mac 2004. Brunei Darussalam.
- Mohd. Anuar Mamat. (2017). "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia" *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 15, Julai 2017: 66-88.
- Mohd. Rashid Md. Idris. (2019). Teori Falsafah Bahasa Asas Kesempurnaan Berbahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 21-33.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2018). *Katalog Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesepuluh*. Kuala Lumpur: PNM.
- Wan Ali Wan Mamat. 2014. *An Introduction to Malay Manuscript*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1992). *Hadiqatul Azhar war Rayahin Syeikh Ahmad al-Fatani, Edisi Kajian Jilid 1*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1999). *Penutup Perdebatan Islam Alaf Baru di Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

## **BIODATA**

**Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan** kini Penyanggand Kursi Za'ba, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sebelumnya beliau ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Penyanggand Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Beijing Foreign Studies University (dua kali), Profesor Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Profesor Bahasa di Akademi Pengajian Melayu Universti Malaya dan beberapa jawatan akademik dan pentadbiran yang lain. Selain menjadi tenaga akademik di Malaysia, beliau pernah menjadi Pensyarah Kanan di Universiti Brunei Darussalam. Beliau pernah menjadi Profesor Tamu Pusat Pengajian Asia Tenggara Universiti Frankfurt, Jerman dan Universiti Sumatera Utara, Indonesia. Di samping jawatan hakiki, beliau pernah dilantik menjadi Profesor Adjung di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan kini di Universiti Putra Malaysia. Universiti Sultan Zainal Abidin melantiknya sebagai Karyawan Ulung (2019-2021). Beliau dikurniai gelar Profesor Kehormat oleh Beijing Foreign Studies University dan ijazah Doktor Falsafah Kehormat oleh World Academy of Arts, California, Amerika Syarikat. Karya tulisnya meliputi lebih 50 buah buku ilmiah, buku umum, buku teks, kamus dan buku kumpulan puisi persendirianya, ratusan makalah ilmiah dan umum dalam pelbagai jurnal, majalah, akhbar, bab dalam buku dll. Lebih 200 syarahan dan kertas kerjanya dibentangkan di pelbagai negara seperti Australia, Belanda, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Jerman, Korea Selatan, Perancis, Republik Rakyat China, Rusia, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan United Kingdom. Dalam persatuan, beliau pernah menjadi Setiausaha Kehormat dan kemudian sebagai Presiden Persatuan Linguistik Malaysia selain aktif dalam Majlis Perundingan Melayu, Kumpulan Prihatin dan beberapa persatuan lain. Beliau dikurniai darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N) bergelar Datuk daripada Yang di-Pertuan Agong Malaysia dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) bergelar Dato' daripada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

**Profesor Dr. Hj. Abdul Rasid Jamian**. Kini, Profesor Pendidikan Bahasa Melayu di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang pengajian dan penyelidikan iaitu Pengajaran Bahasa Melayu dan Perkembangan Bahasa Melayu khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Pernah berkhidmat sebagai guru di Sekolah Kebangsaan dan di Sekolah Menengah mulai 1986 hingga 1999. Jawatan tertinggi di peringkat sekolah iaitu Guru Penolong Kanan Kokurikulum. Mulai 1999 hingga 2019 sebagai pensyarah pendidikan Bahasa Melayu di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Terdapat lebih 100 jurnal telah dihasilkan, lebih 200 prosiding di peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan, dan berjaya menghasilkan buku untuk bacaan para siswa bakal pendidik.